



## **TEKS UCAPAN**

**YBRS. PUAN MAIZAN BINTI ISMAIL  
KETUA PENGARAH  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

**PERUTUSAN TAHUN BARU 2020**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Sayangi Malaysiaku,

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2020 kepada semua warga PNM, semoga Tahun Baru 2020 ini pastinya akan diiringi dengan iltizam dan semangat baharu oleh seluruh warga Perpustakaan Negara Malaysia untuk terus melaksanakan amanah dan tanggungjawab bagi menjayakan perancangan kerja tahun 2020 dengan lancar dan berkesan. Sepanjang tempoh saya diamanahkan sebagai Ketua Pengarah, saya telah menyaksikan semangat kerjasama berpasukan yang kukuh dan utuh dalam kalangan warga PNM yang sentiasa memberikan sepenuh dedikasi dan komitmen yang jitu dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Merentasi tempoh 12 bulan yang lalu, PNM telah melalui pelbagai perubahan dan pengalaman yang telah membawa kita kepada tahap yang lebih matang dalam menghadapi pelbagai aspek yang penuh dengan kompleksiti ini. Kejayaan demi kejayaan pada tahun 2019 telah berjaya meletakkan PNM ke tahap yang tersendiri seterusnya dapat memenuhi pencapaian dan sasaran yang dikehendaki oleh pemegang taruh. Semoga segala yang telah kita laksanakan pada tahun 2019 yang lalu mampu dijadikan contoh dan teladan untuk kita semua merealisasikan usaha yang lebih baik pada tahun 2020. Segala yang baik itu, kita akan teruskan untuk menjadi lebih baik lagi. Mudahan kita semua mendapat rahmat dan barakah daripada Allah SWT.

2. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga PNM yang telah bertungkus lumus dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang telah berlangsung sepanjang tahun 2019 dengan jayanya. Kita semua mempunyai peranan yang sama pentingnya. Kita diibaratkan sebagai sebuah rumah yang mempunyai tiang, tingkap, pintu dan bumbung yang saling memerlukan serta melengkapi di antara satu sama lain agar ia dapat berfungsi sebagai rumah yang memberikan tempat perlindungan kepada penghuninya. Sehubungan itu, saya amat berharap agar kerjasama yang sedia terjalin di antara kita dapat diperkuatkan dan dipereratkan lagi.
3. Bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020 (VM 2020) yang berslogarkan “Visit Truly Asia Malaysia 2020”, PNM juga menyahut seruan MOTAC dengan menyusun perancangan dan pelaksanaan dalam pelbagai program dan aktiviti pembacaan. Dalam gerak kerja berserampang, selain meningkatkan budaya membaca rakyat Malaysia, MOTAC juga sedang menyusun perancangan berjangka untuk menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi *bibliotourism* atau *literary tourism* yang utama di rantau Asia sempena dengan VM 2020 yang menyasarkan kunjungan 30 juta pelancong asing dengan sasaran perbelanjaan pelancong sebanyak RM100 juta.
4. Pada tahun ini juga, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) akan melancarkan dua dasar baharu iaitu Dasar Pelancongan Negara (DPN 2030) dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKN) untuk memacu sektor pelancongan serta kebudayaan. Kedua-dua dasar ini berselari dengan matlamat

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan akan dilancarkan dalam masa terdekat. Dasar Pelancongan Negara (DPN 2030) akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan pendapatan negara, menggalakkan kerjasama dan pelaburan, memperkasa masyarakat setempat serta mengukuhkan daya tahan industri pelancongan. Manakala Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKN) pula satu gagasan jangka panjang kemakmuran bersama yang akan mengambil kira keterangkuman budaya dari pelbagai etnik di seluruh Malaysia.

## **KECEMERLANGAN DAN AMALAN INTEGRITI**

– *excellence is not a skill, it is an attitude*

5. Cemerlang itu bukan sekadar diukur dengan tercapainya sasaran kerja tetapi dinilai melalui perkhidmatan yang bersih dan berintegriti. Pegawai yang berintegriti sentiasa berpegang kepada konsep kejujuran dan amanah. Sebagai seorang yang berkhidmat demi rakyat dan Negara, kita perlu menghayati setiap perintah, tugas dan tanggungjawab yang diberikan dalam melaksanakan tugas dengan amanah serta jangan takut untuk berkata benar. Memetik bait-bait lagu ‘..*the truth hurts but secrets kill*’. (*Hopeless by Halsey*)  
– kebenaran itu menyakitkan, tetapi rahsia itu membunuh, mengaitkan kita dengan situasi yang sering kita hadapi kini.
6. Dalam mengecapi kejayaan, kita juga tidak seharusnya gentar dengan cabaran baharu. Sebaiknya, cabaran itu harus dilihat sebagai satu pembelajaran yang dapat memberi impak dan lonjakan ke arah pembangunan kendiri. Sifat culas, menangguhkan kerja dan sikap ‘tai-chi’ kerja, perlu ditinggalkan jauh atau dimansuhkan terus dalam diri semua penjawat awam. Berita-berita

atau persepsi tidak manis berkaitan penjawat awam, seperti penjawat awam pergi ‘minum pagi’, merokok di kawasan premis dan tutup pejabat kerana ada jamuan makan perlu dijadikan kisah lapuk yang bukan lagi menjadi amalan warga kakitangan awam.

7. Dahulu kita sering mendengar terma-terma seperti Kerajaan ‘silo’, ‘SS atau syok sendiri’. Keriakan zaman *the government knows best* telah lama berlalu dan kini dunia telah pun mengorak langkah ke era Revolusi Industri 4.0 dan internet (IoT). Di mana-mana sahaja kelihatan penggunaan gajet-gajet yg canggih, seperti telefon pintar, *tablet* dan *smart watch* atau jam pintar yang mempunyai pelbagai fungsi seperti telefon. Jelas kini, betapa internet semakin mempengaruhi kehidupan seharian, dalam mengakses maklumat, jaringan perhubungan dan komunikasi. Tuntutan rakyat yang mahukan perkhidmatan kerajaan yang cepat dan tangkas serta *real-time* memerlukan modal insan yang bersifat dinamik, responsif dan cekal. Setiap warga kerja perlulah berfikiran terbuka, bersikap inovatif dan kreatif serta berkebolehan untuk mencipta sesuatu. Oleh yang demikian, kita sebagai penjawat awam perlu turut serta dalam peralihan era digital ke era siber digital ini, dan saya yakin ramai penjawat awam telah pun memiliki setidak-tidaknya, satu telefon pintar (*smartphone*) untuk berWhatsApp, Facebook, Instagram dan sebagainya. Jadi apabila telefon sudah pintar, maka kita sebagai pengguna perlu jugalah menjadi pintar. Namun suka saya ingatkan, warga PNM haruslah bertanggungjawab dan sentiasa berusaha menghindari dengan apa juu perkara – perkara negatif yang boleh merosakkan negara. Adakalanya tanpa disedari, permulaan dengan perkara negatif yang kecil, boleh merebak menjadi suasana yang kacau bilau terutamanya dalam era tular

menular maklumat tanpa sempadan hari ini. Elakkan memuat naik sebarang perkara –perkara yang tidak baik di laman-laman sosial mahupun berkongsi melalui khidmat pesanan elektronik seperti e-mel, instagram, whatsapp, twitter dan segala bentuk messenger. Pastikan sahih sebelum dikongsi kepada umum. Gunakanlah kelebihan teknologi media sosial ini secara bijak dan betul. Sama-sama lah kita jaga keharmonian negara kita ini agar sentiasa aman, makmur dan sejahtera.

8. Mengungkap kata-kata oleh Napoleon Hill “Jangan menunggu; tidak akan pernah ada waktu yang tepat. Mulailah di mana pun anda berada, dan bekerja dengan apa pun yang anda miliki. Peralatan yang lebih baik akan ditemukan ketika anda melangkah”. Oleh itu, kita tidak boleh menunggu lagi sehingga orang berkata kita sudah tidak relevan lagi. Bangunlah dan berusaha untuk mengubah tanggapan ini dan berusaha dengan kuat untuk meletakkan bidang kepustakawan ini agar sebaris dengan bidang-bidang yang lain seperti kedoktoran, perguruan dan sebagainya.

## **PENCAPAIAN TAHUN 2019**

9. Dalam menilai pencapaian PNM tahun 2019 dapat dilihat dari beberapa aspek iaitu:
  - i. Peratusan perbelanjaan PNM
  - ii. Aktiviti yang berjaya dilaksanakan
  - iii. Penambahbaikan perkhidmatan
  - iv. Pengurusan kualiti jabatan

Dalam perbelanjaan mengurus sedia ada pada tahun 2019, PNM

telah diperuntukkan sebanyak RM46.711 juta dan telah berjaya dibelanjakan sebanyak RM46.607 juta mewakili sebanyak 99.72 % perbelanjaan. Walau bagaimanapun, untuk makluman semua pada tahun ini peruntukan yang diterima oleh PNM adalah sebanyak RM44.83 juta, berkurangan sebanyak RM2 juta berbanding tahun 2019. Sehubungan itu, saya ingin menyeru kepada warga PNM agar berbelanjalah dengan berhemah dan membuat perancangan yang teliti serta melakukan kajian pasaran agar setiap sen yang dibelanjakan akan dapat memberi impak yang besar kepada masyarakat. Saya juga berharap supaya perancangan yang telah dibuat pada tahun 2020 boleh dilaksanakan dengan jayanya dengan mengambil kira semua aspek penjimatan.

10. Bagi pelaksanaan aktiviti pula, PNM telah berjaya melaksanakan aktiviti yang menarik seperti Malam Baca Puisi Dunia, Festival Sastera Kanak-kanak, Pameran Manuskrip Melayu, Bicara Harvard, Singgah Santai, Pesta Ria, Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia dan sebagainya. Aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan adalah sebanyak 107 aktiviti dengan merekodkan kehadiran sebanyak 217,560 khalayak dan mendapat sokongan yang padu daripada semua warga PNM. Manakala aktiviti anjuran Perpustakaan Komuniti dan Perpustakaan Desa di bawah seliaan PNM dari seluruh negara adalah sebanyak 46,702 aktiviti dengan melibatkan kehadiran sebanyak 1,328,416 khalayak. Kehadiran pengunjung ke PNM juga turut menunjukkan peningkatan secara umumnya. Ini dapat dilihat kehadiran pengunjung fizikal bagi tahun 2019 adalah sebanyak 457,781 pengunjung berbanding 412,106 pengunjung bagi tahun 2018 yang mewakili kenaikan sebanyak

9.98 peratus. Syabas saya ucapkan kepada semua warga PNM dan terima kasih.

11. Penambahbaikan perkhidmatan PNM kepada pengguna akan dapat direalisasikan menjelang tahun 2021 kerana ruang di Anjung Bestari sedang dinaiktaraf dan terdapatnya tambahan perkhidmatan baharu seperti Bilik Suntingan dan My Digital Maker di Aras 2, Galeri Data dan Pengalaman u-Pustaka di Aras 1. Saya amat berharap perkhidmatan baharu ini akan dapat memberikan impak positif kepada PNM di mata masyarakat.
12. Pengekalan kualiti amat penting dalam sesebuah organisasi dan PNM telah melaksanakan MS ISO 9001:2015 yang merupakan satu piawaian berdokumen dan bertulis yang menyenaraikan elemen asas yang perlu ada dalam sistem kualiti sesebuah organisasi bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat memenuhi kehendak pelanggan dan dijadikan sebagai *blueprint* untuk penambahbaikan dan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian PNM. Memandangkan usaha-usaha ke arah memperolehi sijil MS ISO bukan suatu perkara yang mudah, maka kakitangan PNM di semua peringkat dan bahagian perlu mempersiapkan diri dan memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi terhadap usaha PNM untuk mengekalkan pensijilan ini yang akan dilaksanakan audit SIRIM pada 23 hingga 27 Mac 2020 nanti. Sehubungan itu, mohon kerjasama agar *Opportunities for Improvement* (OFI) yang ditemui semasa audit dalaman yang telah dijalankan pada 26 hingga 28 November 2019 yang lalu agar diberi perhatian dan diambil langkah-langkah pencegahan serta pengurusan risiko bagi permasalahan ini. Ini kerana juruaudit

biasanya akan melihat laporan audit dalam dan akan memeriksa perkara-perkara ketidakakuratan yang ditemui semasa audit dalam dilaksanakan.

### **HALA TUJU ATAU FOKUS PNM BAGI TAHUN 2020**

13. Bagi mendepani tahun-tahun mendatang kita seharusnya lebih fokus tentang apa yang diperlukan untuk meningkatkan imej bidang kepustakawan di mata masyarakat Malaysia serta memenuhi kehendak dan trend semasa. Sehubungan itu, PNM telah menggariskan tiga hala tuju utama jabatan iaitu:
- i. Meningkatkan insfrastruktur perpustakaan di seluruh Malaysia.
  - ii. Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna.
  - iii. Mendukung dan memperkasakan pelaksanaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)

Melalui peningkatan insfrastruktur PNM dalam Rancangan Malaysia ke-11 telah diluluskan beberapa projek seperti u-Pustaka sebagai Hub Maklumat Negara, Pemusatkan Perkhidmatan Perpustakaan PNM dan Pembinaan Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan. PNM akan sentiasa mencari jalan untuk memohon projek-projek baharu kepada kerajaan agar insfrastruktur perpustakaan di seluruh negara dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Maka PNM juga telah bersedia dengan permohonan projek-projek baharu seperti Bangunan Baharu Perpustakaan Negeri Sembilan, Projek Perpustakaan Digital Negara, Projek Pusat Repozitori PNM di Bukit Jalil, Projek Pemerkasaan ICT di Perpustakaan Desa, Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia dan

sebagainya dalam RMK ke-12 yang mengambil kira 5 tahun pelaksanaan.

14. Kita juga harus meningkatkan perkhidmatan kita kepada pengguna kerana perkhidmatan perpustakaan merupakan *core-business* PNM dan adalah wajar kita memberi fokus kepada perkhidmatan kita kepada pengguna. Justeru ayuhlah kita sama-sama berganding bahu bekerja sebagai satu pasukan dalam memberikan perkhidmatan yang bermutu dan berkualiti kepada pengguna PNM. InsyaAllah apabila projek pemusatan perkhidmatan PNM ini siap kelak suasana yang lebih ceria dengan suntikan elemen-elemen segar yang diberikan sentuhan oleh jurureka hiasan dalaman akan dapat membangkitkan *mood* kepada para pengguna PNM. Menjadi harapan saya agar apabila siap kelak marilah kita sama-sama menjaga perkakasan dan ruangan yang disediakan dengan cermat agar ia kekal cantik dan ceria dalam tempoh yang panjang. Apabila siap kelak dan ditambah dengan beberapa perkhidmatan baharu yang ditawarkan akan dapat mengembalikan kegemilangan PNM di mata masyarakat.
15. Kita sedar bahan yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) makin bertambah dari semasa ke semasa dan kita menghadapi masalah kekurangan ruang bagi menyimpan semua khazanah intelek negara ini. Melalui fokus kita untuk mendukung dan memperkasakan pelaksanaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) ini, maka PNM akan mengemukakan permohonan bagi pembinaan sebuah bangunan baharu yang dibina khusus bagi tujuan ini di sebidang tanah PNM di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. PNM juga akan

mempertingkatkan penyimpanan bahan digital yang diterbitkan di dalam Negara melalui sistem depositori yang akan dibangunkan dalam tahun ini juga. Melalui sistem ini, Koleksi Negara bukan sahaja lagi dalam format bahan fizikal tetapi juga bahan *born digital* yang telah mendominasi industri penerbitan negara. Kita amat berharap agar permohonan kita untuk pembinaan bangunan baharu ini diluluskan oleh pihak EPU agar permasalahan kekangan ruang penyimpanan bahan akan dapat ditangani dengan lebih baik.

## **PROGRAM BESAR TAHUN 2020**

16. Pada tahun ini, Jabatan akan terlibat secara langsung dalam program besar tahun 2020 iaitu Program Kuala Lumpur Ibu Kota Dunia 2020 (KLWBC 2020) dan Dekad Membaca Kebangsaan 2030.

### **KUALA LUMPUR IBU KOTA BUKU DUNIA 2020 (KLWBC 2020)**

17. Seperti mana semua sedia maklum, Kuala Lumpur telah berjaya dinobatkan sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 dengan slogan KL Baca: Menyantuni Masyarakat Melalui Pembacaan (*Caring Through Reading*) oleh Pertubuhan Pendidikan, Santifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 19 September 2018. Pengiktirafan yang diberikan kepada Malaysia sebagai Kota Buku Dunia 2020 sangat bermakna dan seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai negara membaca pada tahun 2030. Sehubungan itu Bandar Raya Kuala Lumpur menerusi pelbagai sektor atau organisasi termasuk sektor perpustakaan akan melaksanakan pelbagai aktiviti perbukuan, kesusasteraan dan gerakan membaca bermula pada 23 April 2020 hingga 22 April

2021. Di bawah naungan UNESCO, Kuala Lumpur telah bersedia untuk bergerak ke peringkat antarabangsa dengan slogan KL Baca: Menyantuni Masyarakat Melalui Pembacaan (*Caring Through Reading*).

18. Pemilihan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Dunia Buku adalah kerana bandaraya ini telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai aktif dalam pengajuran aktiviti berkaitan dengan buku, promosi buku dan aktiviti pembacaan. Pemilihan ini merupakan pengiktirafan ke atas usaha dan peranan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang berterusan sejak tahun 1995 dalam usaha menjalankan kempen membaca dengan slogan ‘Mari Membaca Bersama’. Sehingga kini kempen membaca telah dijadikan sebagai agenda tahunan yang bertujuan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu dan bermaklumat.
19. Kuala Lumpur dipilih kerana fokus yang tinggi terhadap pendidikan yang inklusif, pembangunan masyarakat berdasarkan pengetahuan dan kebolehcapaian membaca kepada segenap populasinya. Program KLWBC 2020 akan menumpukan kepada empat tema, iaitu membaca dalam semua bentuk, pembangunan infrastruktur industri buku, inklusif dan akses digital serta pemberdayaan kanak-kanak melalui membaca. Antara acara dan aktiviti yang dianjurkan ialah pembinaan kota buku (Kompleks Kota Buku), kempen membaca kepada pengguna tren, peningkatan perkhidmatan dan capaian digital oleh Perpustakaan Negara Malaysia untuk orang kurang upaya serta perkhidmatan digital baharu kepada 12 perpustakaan di kawasan perumahan kos rendah.

20. Dalam menjayakan Kuala Lumpur Kota Buku Dunia 2020, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bersama – sama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), dan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MAPOBA) akan menggerakkan aktiviti perbukuan yang akan disemarakkan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.
21. Program berskala besar untuk Kota Buku Dunia adalah pelaksanaan projek eko-bandar yang dinamakan *River of Life* dengan berkonsepkan kedai buku terbuka dan perpustakaan yang mengisi laluan air yang baru dipulihara dan juga menjadikannya Lorong Buku pertama di dunia serta Muzium Persuratan yang dibangunkan dan akan dibantu oleh Arkib Negara Malaysia. Kota yang dipilih sebagai Kota Buku Dunia UNESCO bertekad untuk mempromosi buku dan membaca serta menganjurkan aktiviti sepanjang tahun. Sebanyak 20 kota telah dinobatkan dengan gelaran Ibu Kota Buku Dunia sejak 2001 dengan Kuala Lumpur mengikuti Sharjah pada 2019, dan Athens (2018). Pemenang sebelum ini termasuklah Madrid pada 2001; Iskandariah (2002); New Delhi (2003); Anvers (2004); Montreal (2005); Turin (2006); Bogota (2007); Amsterdam (2008); Beirut (2009); Ljubljana (2010); Buenos Aires (2011); Erevan (2012); Bangkok (2013); Port Harcourt (2014); Incheon (2015); Wroclaw (2016) dan Conakry (2017).

## **DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN (DMK)**

22. Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) merupakan inisiatif oleh kerajaan yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkuatkhan lagi budaya membaca dalam kalangan masyarakat serta meningkatkan peratusan rakyat yang membaca.

Gerakan DMK juga bermatlamatkan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berbudaya membaca dan menjadikan rakyat Malaysia berilmu bertaraf dunia selari dengan slogannya iaitu #Malaysiamembaca. Majlis pra pelancaran telah diadakan pada 13 Disember 2018 yang telah disempurnakan oleh YB Dr. Maszlee Malik, Mantan Menteri Pendidikan Malaysia, manakala majlis pelancaran akan diadakan dalam masa terdekat. Bagi menyokong dan merealisasikan DMK, semua kementerian, jabatan dan agensi khususnya melalui medium perpustakaan akan terlibat dan perlu menjalankan pelbagai aktiviti galakan membaca dan keilmuan. Dalam hal ini juga, Perpustakaan Negara Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui Jawatankuasa Kecil Pelaksana Sektor Perpustakaan selain menganggotai Jawatankuasa Induk dan juga Jawatankuasa Pelaksana DMK.

23. Program DMK bertujuan untuk menyemarakkan literasi membaca dalam kalangan rakyat negara ini kerana menurut Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia yang dikendalikan oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2005, setiap rakyat Malaysia membaca purata hanya dua (2) naskhah buku setahun. Manakala kajian interim pada tahun 2014 pula menunjukkan bahawa rakyat Malaysia membaca sebanyak 15 naskhah buku setahun. Hal ini berbeza dengan rakyat negara maju yang membaca sebanyak 40 naskhah buku setahun. Sepanjang tiga tahun mulai tahun 2018 hingga 2020 adalah tempoh menggiatkan kempen DMK. Slogan dan tanda pagar #MALAYSIAMEMBACA dipilih dan akan dipopularkan sebagai inspirasi untuk menjadikan Malaysia negara membaca dan melahirkan masyarakat yang berilmu. Pelbagai program DMK dirangka untuk mencapai hasrat tersebut, antaranya

aktiviti membaca kebangsaan di seluruh negara; kempen membaca di sekolah dan di rumah; dan kempen membaca kepada golongan kelainan upaya, gelandangan, warga emas dan lain-lain. Prasarana aktiviti membaca, antaranya pasar buku, lorong e-buku, Akademi Kota Buku dan Muzium Bahasa dan Persuratan Melayu turut disediakan. Selain itu, penganjuran pesta buku turut akan diperbanyakkan di pelbagai peringkat, kebangsaan, antarabangsa, sektor, negeri dan sebagainya.

24. Perpustakaan Negara Malaysia juga memainkan peranan penting dalam menyokong DMK dengan penganjuran aktiviti berskala besar dan sederhana seperti menganjurkan Bacaan Kegemaran Saya Peringkat Kebangsaan, Persidangan Perpustakaan SeMalaysia dan Konvensyen Pembacaan Se-Malaysia, Program Jom Baca Bersama 10 Minit, Persidangan Antarabangsa Perpustakaan Digital (IDLC), Sambutan Literasi Sedunia, Karnival Semarak Jawi, Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu, Malam Puisi Dunia, Kalam Karyawan, WORLD #Quran Hour, Kem Klinik Jawi, Seminar Bersama Penerbit, Wacana Manuskrip Melayu dan lain-lain aktiviti yang telah dilaksanakan mulai tahun 2019.
25. Harapan saya semoga semua warga PNM sentiasa menyokong dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang ini bagi memastikan hasrat mewujudkan DMK ini dapat dicapai.

## **PENGHARGAAN ATAS KENAIKAN PANGKAT DAN SUMBANGAN BAKTI TERHADAP PNM**

26. Berkuatkuasa mulai 26 Disember 2019 yang lalu, berlaku beberapa perubahan penempatan pegawai kanan Jabatan. Perubahan ini melibatkan tiga (3) orang pegawai iaitu Puan Salasiah binti Abdul Wahab yang telah diamanahkan sebagai Pengarah Perpustakaan Cawangan dan Komuniti, Puan Fadhilah Aini binti Md. Yusuf sebagai Pengarah Perkhidmatan Korporat dan Encik Edy Irwan bin Zulkafli sebagai Pengarah Pembangunan Koleksi. Sehubungan itu saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan besarlah harapan agar tuan/puan dapat menjalankan amanah dan tanggung jawab yang diberikan dengan penuh komitmen dan berdedikasi.
27. Tidak dilupa juga, setinggi - tinggi ucapan terima kasih kepada warga kerja yang bertukar keluar dan yang telah bersara. Sesungguhnya sumbangan bakti yang dicurahkan oleh mereka akan sentiasa terpahat dalam hati kita semua. Insya-Allah. Sama – sama kita doakan kepada mereka semua semoga maju jaya dan sentiasa dalam naungan rahmatNya. Bak kata '*jauh hanyalah dimata, namun dihati sentiasa dekat*'.
28. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan perhimpunan pada pagi ini. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2020 kepada semua warga PNM, dan selamat bekerja dengan azam yang baharu untuk meningkatkan

mutu kerja kita semua. Saya menyeru supaya kita bersama-sama menggembeleng tenaga, usaha dan idea untuk melakar pembaharuan yang dihasratkan oleh kerajaan umumnya. Semoga tahun 2020 ini akan merealisasikan impian dan harapan kita untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan lebih cemerlang dan efektif. Buka ruang minda dan jiwa kita untuk memasang iltizam dan impian setinggi langit. Andai jatuh sekalipun, jatuhnya di antara bintang-bintang yang bersinar.

29. Terima kasih dan syabas sekali lagi saya ucapkan kepada pihak pengajur dan semua yang terlibat dalam pengajuran Perhimpunan Bulanan pada kali ini.

Sebagai penutup bicara, saya akan akhiri dengan dua rangkap pantun. Marilah kita bersama-sama renungi pantun ini.

**(Boleh digunakan bagi menaikkan semangat dan disampaikan dengan nada yang bersemangat)**

Anak pendekar bermain api,  
Jerami terbakar dibalingnya batu,  
Usah gentar onak dan duri,  
Demi PNM kita bersatu.

Pandang kiri, pandang kanan,  
Lagi bersuluh, jelas rupanya,  
Jangan malu, jangan segan,  
Dua puluh dua puluh! Kita punya,



